

16 APR 2002

Agong-Perutusan

AGONG UTUS PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN SYRIA

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Syria, Dr Bashar Hafeez Al-Assad sempena Hari Kebangsaan ke-56 negara itu hari ini.

Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuangku Fauziah Tengku Abdul Rashid berharap Presiden Bashar dikurniakan kesihatan yang baik dan rakyat negara itu hidup aman dan makmur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Dr Muhammad Mustapha Miro, berkata Malaysia akan bekerja rapat dengan Syria untuk mempromosikan keamanan dan kestabilan antarabangsa.

Beliau berkata hubungan antara kedua-dua negara berkembang sejak kebelakangan ini dan komitmen ini akan diteruskan bagi meningkatkan hubungan terutama dalam bidang politik, perdagangan, ekonomi dan teknologi maklumat yang akan memberi manfaat kepada rakyat dan kedua-dua kerajaan.

Dr Mahathir berkata beliau akan bekerja rapat dengan Muhammad ke arah merealisasikan hasrat itu.

Dr Mahathir berkata: "Malaysia dan Syria juga memainkan peranan bermakna dalam mempromosikan kepentingan dan kemakmuran negara-negara Islam melalui penyertaan aktif dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)."

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Farouk Al-Shara, berkata Malaysia akan terus memberi keutamaan kepada hubungan rapat yang sedia terjalin dengan Syria dan akan berusaha sebaik mungkin untuk meningkat dan memperkukuhkan hubungan.

"Saya yakin bahawa melalui kerjasama yang berterusan dan usaha sama ekonomi serta penubuhan kedutaan masing-masing di Malaysia dan Syria, hubungan dua hala antara kedua-dua negara akan ditingkatkan lagi dalam tahun-tahun yang akan datang," katanya.

Syria Merdeka dari Perancis pada 17 April, 1946, dan merupakan negara Arab pertama bebas daripada pemerintahan asing. Syria adalah anggota pengasas liga Negara-negara Arab dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

-- BERNAMA

SZA AHH LAT